

27 OCT 2002
Rais-Khidmat

UNDANG-UNDANG PERLU DIGUBAL UNTUK LAKSANAKAN PERKHIDMATAN NASIONAL

BATU KIKIR, 27 Okt (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata rang undang-undang baru perlu digubal begi membolehkan cadangan perkhidmatan nasional dilaksanakan di negara ini.

Beliau berkata rang undang-undang itu dapat memberi kuasa berkaitan pentadbiran dan disiplin dalam menguatkuasakan kerahan tenaga itu terutama dari segi aspek pengambilan dan pelaksanaan supaya tidak bercanggah dengan Perlembagaan negara.

"Sebab kerahan tenaga, elemen memaksa seseorang untuk melakukan sesuatu, perlu diselaraskan dengan perlembagaan negara. Peruntukan 8 (Perlembagaan Malaysia) jelas dinyatakan semua rakyat adalah sama dari segi taraf dan sebagainya mesti diselesaikan dahulu tuntutan serta menggubal peruntukan yang jelas dengan memberi pengecualian kepada program ini," katanya kepada pemberita sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa cadangan kerahan tenaga itu akan dibawa ke mesyuarat Kabinet.

Dr Rais ditemui selepas merasmikan sambutan 10 tahun penubuhan Yayasan Jempol di sini, hari ini. Hadir sama Pengerusi Yayasan Jempol Datuk Mohd Khalid Yunus, yang juga Timbalan Menteri Penerangan dan Anggota Parlimen Jempol.

Semalam, semasa sesi dialog dengan peserta Kongres Patriotisme Negara anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tatanegara, Dr Mahathir berkata kerahan tenaga itu bertujuan memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Dr Rais berkata beliau berasa amat gembira dengan cadangan itu kerana perkara ini pernah dibangkitkannya beberapa tahun lepas serta menyifatkannya tepat pada masanya kerana semangat patriotisme di kalangan generasi muda agak berkurangan.

Katanya beberapa negara turut melaksanakan perkhidmatan nasional seperti Switzerland dan Singapura dalam usaha melahirkan rakyat yang tinggi nilai patriotismenya.

Katanya Ordinan Kerahan Kerja Nasional pernah dilaksanakan di negara ini mulai 1963 dan dihentikan pada 1965.

"Negara akan mempertimbangkan semula peruntukan dalam ordinan yang lepas jika panduan yang lebih tepat diberikan oleh Perdana Menteri dan semua lapisan masyarakat perlu menerima dengan hati terbuka.

"Ini sekaligus dapat mengatasi banyak masalah sosial di negara kita dan di samping itu, ia dapat menyalurkan nilai dan amalan yang jitu terhadap nasionalisme dan patriotisme," katanya.

Perkhidmatan nasional itu juga dapat membantu kerja kepolisan dan ketenteraan di tanah air.

Bagaimanapun, urusan pentadbiran dan pengambilan program itu mesti dilakukan secara teratur dan kerajaan akan mendapatkan pandangan daripada pertubuhan dan badan hak asasi manusia seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) sebelum tindakan lanjut dilaksanakan.

Dr Rais berpendapat skop pelaksanaan perkhidmatan itu tidak hanya tertumpu kepada aspek kepolisan dan ketenteraan semata-mata tetapi juga turut menekankan aspek sosial, cintakan negara dan amalan positif yang dapat melahirkan masyarakat berdisiplin dan boleh menyesuaikan diri dengan tuntutan semasa, menghormati undang-undang dan mengetepikan keadaan sosial yang merugikan.

Mengenai kes seorang gadis Malaysia yang didakwa dirogol semasa dalam

depot tahanan di Sabah dan sehingga kini masih belum dihantar pulang oleh Filipina ke negara ini, Dr Rais berkata jika gadis itu adalah rakyat Malaysia, kerajaan perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri gadis itu kepada Kementerian Luar Filipina.

"Setelah itu, barulah perlu diperakukan sistem mengambil balik gadis itu ke Sabah dijalankan. Tetapi jika Filipina tidak mengiktiraf "status quo" itu, maka masalah akan berpanjangan. Lagi lekas kerajaan mengemukakan dokumen pengenalan gadis itu, lagi baik," katanya.

--BERNAMA

APG NAK